

KEDUDUKAN PERTELINGKAHAN FAHAM DI DALAM MASYUMI

Dalam masa yang akhir-akhir ini kita telah tertarik kepada perselisihan faham yang terbit di dalam lingkungan Masyumi iaitu yang terbesarnya terkenal dalam nama lingkungan Natsir dan lingkungan Dr Sukiman yang kerananya telah terjadi dua bahagian di dalam Masyumi dengan bukti yang nyata sekali ialah apabila Jemaah Menteri yang diketuai oleh Mohammad Natsir jatuh maka nampaknya digantikan oleh Jemaah Menteri Dr Sukiman yang kedua-duanya adalah dari Masyumi juga tetapi perjalanan dan caranya berlainan di antara satu dengan lain. Di dalam mana kesan-kesannya dapat dilihat terutamanya beberapa banyak daripada ahli-ahli Masyumi sendiri. Dalam masa pemerintahan Dr Sukiman, telah ditangkap dan di penjara yang terbitnya oleh kerana tuduhan-tuduhan bersubahat dengan pengganas-pengganas terutamanya dari pihak Dar Al-Islam.

FAHAM NATSIR DAN SUKIMAN

(oleh Ahmad Lutfi)

Melihat keadaan yang demikian itu tentu kita akan bertanya -mengapa begitu sekali? Jawabnya tentulah akan didapati sekiranya kita memerhatikan aliran faham dan pendapat di antara kedua-dua golongan itu iaitu golongan Natsir dan golongan Sukiman. Orang yang tidak mengikuti dan tidak memerhati tentang dasar-dasar tujuan di antara keduanya itu tentu akan berkata- perkara itu tentu boleh diputuskan dengan mudah di dalam lingkungan Masyumi sendiri kerana masalah ini ialah masalah keluarga – masalah di dalam sebuah rumah. Pendapat ini tentu salah oleh kerana fahaman mereka itu yang satu ke utara dan yang satu ke selatan dan sebab itulah sebahagian besar daripada orang-orang Masyumi sendiri dikatakan berpendapat bahawa perjalanan itu akan diputuskan di dalam Kongres Masyumi yang diadakan di dalam bulan Ogos di Jakarta – Keputusannya insya-Allah akan saya terangkan kelak apabila dapat beritanya.

Indonesia 350 tahun lamanya di bawah penjajahan Belanda di dalam masa menjalankan penjajahan itu berbagai-bagai ikhtiar telah dijalankan untuk melemahkan semangat dan jiwa umat Indonesia sehingga bermaharajalela benar di mana perasaan bertinggi rendah sehingga ada kalanya seorang pegawai tinggi lalu di jalan maka mereka mesti duduk sehingga pegawai

itu melalui jiwanya merendahkan diri ini atau dengan terangnya jiwa melebihi seseorang daripada seseorang itu adalah sangat memberi kesan kepada kedudukan dan penghidupan umat Indonesia dan kerana itulah saki baki perasaan itu pada setengah-setengah tempat masih ada dan di sebalik itu pula perasaan persamaan dan kebebasan itu akhirnya melebihi batas sesudah merdeka ini sehingga perasaan takbur dan meninggikan diri hidup pula di dalam lingkungan belia-beliannya terutamanya pula perasaan-perasaan dan anasir-anasir baharu telah mempengaruhi pula sebahagian kecil daripada penduduk-penduduknya umpamanya berperasaan seperti Cowboy dan sebagainya lalu melakukan keganasan-keganasan kepada bangsa sendiri. Dengan begitu berlakulah kejadian-kejadian yang seumpama itu tidak digemari dan cuba dengan seberapa daya dihapuskan oleh kerajaan Indonesia.

Cara menghapuskan ini tentulah berlainan dengan cara yang dilakukan oleh Belanda dahulu. Belanda dahulu menghadapi bangsa Indonesia itu dengan sifat mereka sebagai suatu bangsa yang menghendaki penaklukan dan dengan itu mereka melakukan kekerasan dan harus juga keganasan terhadap kepada bangsa Indonesia. Kelakuan dan perbuatan mereka itu tentulah tidak akan dilakukan mereka terhadap kepada bangsa sendiri yakni bangsa Belanda. Kepada bangsanya sendiri yang melakukan kejahatan dijabatkannya dengan cara yang berpatutan yang tidak akan dilakukan olehnya sebagai dilakukan kepada bangsa lain. Sudah tentu mereka tidak akan melakukan

kekejaman kepada bangsanya sendiri.

Sekarang kerajaan Indonesia sudah merdeka. Sudah tentu tujuan kerajaan menghadapi peristiwa-peristiwa itu tentulah tidak sebagai kedudukan Belanda dahulu. Mereka menghadapinya sudahlah tentu sebagaimana juga bangsa Belanda berhadapan dengan bangsa Belanda dan sebab itulah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan terhadap kepada yang demikian itu tentulah mengikut jalan cabut dari akar-akarnya sekali segala kejahatan-kejahatan dan kelakuan-kelakuan itu daripada akar-akarnya dengan membetulkan dan memberi faham dengan seluas-luasnya apa ertinya keselamatan negara keselamatan bersama di antara mereka sesama mereka.

Menjalankan yang demikian ini tidak akan tercapai dan tidak akan dapat disempurnakan dengan satu masa yang singkat; ia akan mengambil masa yang panjang dan jauh oleh kerana segala langkah-langkah yang dijalankan itu berkait pula dengan kedudukan iktisadnya yang dilumpuhkan oleh dasar-dasar kerajaan dahulu.

Di dalam menghadapi keadaan-keadaan yang serupa ini ahli-ahli fikir Indonesia ada juga yang berpendapat bahawa yang demikian hendaklah dijalankan dengan kekerasan. Dengan kekerasan itu dapat mereka itu ditundukkan. Pendapat ini dibantah oleh ahli fikir yang lain yang berpendapat bahawa jika sekadar jasmaninya sahaja yang takluk maka pada suatu masa tak dapat tiada ia kan melakukan lagi segala yang tidak dikehendaki dan yang demikian maka yang perlu ialah mencabut dari akar-akarnya sekali dengan membetulkan akhlak dan budi pekerti iaitu dengan memberi faham-faham yang sebenar tentang penyelenggaraan itu.

Langkah-langkah ini akan dapat dijalankan hanya dengan menerusi pelajaran-pelajaran dan menerusi panduan akhbar-akhbar kebangsaan serta dengan baik tadbir dan contoh-contoh kelakuan yang dibuat oleh penganjur-penganjur bangsa. Dengan sebab itulah harus dengan tujuan-tujuan itulah akhbar-akhbar kebangsaan di Indonesia telah mendapat sokongan dan bantuan yang istimewa di dalam mana pada tahun yang sudah wang sebanyak 44 milion Rupiah telah dipinjamkan kepada akhbar-akhbar kebangsaan maka timbul orang-orang yang baharu daripadanya iaitu akan menghapuskan sama ada dengan perlahan-perlahan atau segera penerbitan akhbar-akhbar asing di Indonesia yang disyak membawa anasir

pemecah belah dan membawa perbalahan-perbalahan asing ke dalam lingkungan negara Indonesia iaitu selain daripada anasir yang membawa kelemahan dan membawa jarum perpecahan di antara sesama bangsa Indonesia.

Bantuan-bantuan kepada akhbar-akhbar ini adalah menjadi salah satu contoh kepada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan iktisad bangsanya yang lumpuh di dalam masa penjajahan dahulu. Banyak perusahaan baharu yang hidup dengan mendapat layanan yang istimewa sekalipun pada permulaannya peluang-peluang mengutamakan bangsa sendiri diambil oleh anak-anak dagang dengan menggunakan sebahagian daripada perusahaan-perusahaan itu sebagai perusahaan bangsa Indonesia tetapi hakikatnya daripada tadbir dan modal asing dan dengan sebab itulah akhirnya pembersihan pun diadakan kepada kecurangan-kecurangan yang tersebut yang bertujuan melumpuhkan sama sekali kemakmuran dan kebolehan bangsa itu.

Patut juga disebut di dalam menyelenggarakan tujuan-tujuan yang tersebut ada yang berjaya dan yang terbengkalai tetapi semuanya itu tidaklah boleh menjadikan sebab untuk melemahkan kemahuan mereka kepada cita-cita yang tersebut.

Hal ini jika dibandingkan dalam masa penjajahan dahulu tentulah coraknya berlainan daripada yang ada itu. Dahulu bantuan iktisad meliputi hanya kepada sebahagian kecil sedang tujuan sekarang dihalakan kepada sekalian umat Indonesia dan sungguhpun sekarang baharu bantuan-bantuan itu hanya meliputi kepada peringkat satu milion tetapi tidaklah ia hanya setakat itu sahaja bahkan akan diluaskan lagi dengan seluas-luasnya dengan suatu cogan menjadikan negara Indonesia itu semakmur-makmurnya di dalam dunia ini. Dengan sebab itu maka segala kejadian yang dibesar-besarkan itu hendaklah kita selami juga tujuan-tujuannya yang lebih besar dengan menimbang pula keadaan-keadaan yang disekelilingnya dan sudah tentu kedudukan mereka seumpama di dalam sebuah rumah yang didalamnya anak buahnya, adik beradik mereka cubit mencubit dan berkelahi tetapi perkelahian mereka itu di dalam rumah mereka sendiri dan di bangunan mereka sendiri untuk mereka dan diatur oleh mereka adanya.